

**Najib, Muhyiddin Hadir Sambutan Raya Kementerian Pelajara
Bernama
7 September 2011**

PUTRAJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Rabu meluangkan masa kira-kira satu jam menghadiri majlis ramah mesra Aidilfitri Kementerian Pelajaran di sini.

Najib yang tiba kira-kira pukul 1.00 petang pada majlis di tapak letak kereta kementerian berkenaan, disambut Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pelajaran serta isteri Puan Sri Norainee Abdul Rahman.

Turut hadir pada majlis yang dihadiri kira-kira 5,000 tetamu termasuk kakitangan Kementerian Pelajaran ialah beberapa menteri kabinet serta kedua-dua Timbalan Menteri Pelajaran iaitu Datuk Dr Wee Ka Siong dan Dr Mohd Puad Zarkashi.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada 20 pelajar Sekolah Pendidikan Khas Seremban 1 dan 2, Sekolah Kebangsaan (SK) Sepang dan SK Kota Warisan.

Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan tersebut kepada 20 lagi pelajar Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dari SK Dewan Besar, Kelantan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=611981>